

Ruj. Kami: Bil. (2) dlm. P / 96 / 19
Bertarikh : Rejab, 1440
21 Mac, 2019

SEBUTHARGA NO: 63/2019

SEMUA KONTRAKTOR YANG BERDAFTAR DENGAN MAJLIS DAERAH TAPAH PADA TAHUN 2019

1. Sebutharga ini dipelawa di Pejabat Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah sehingga **4 APRIL, 2019 jam 12.00 tengahari** daripada Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan bertaraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Majlis Daerah Tapah di atas tajuk kepala yang masih dibenarkan menyertai sebutharga bagi menjelaskan kerja-kerja berikut:-

Kod Bidang : Kelas : **G2**
Kategori: **CE21 – Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam**

Tajuk : **MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DAN SALIRAN DI KAWASAN PERINDUSTRIAN JALAN SUNGKAI, MD TAPAH.**

2. Segala dokumen mengenai sebutharga ini (Borang Sebutharga, Lukisan Pelan, Penentuan Kerja serta Syarat-Syarat Sebutharga) yang ditetapkan bagi tujuan tersebut boleh didapati di Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan Majlis Daerah Tapah pada hari dan waktu kerja biasa dengan bayaran **RM50.00**. Pembelian borang boleh dibuat mulai **28 MAC, 2019** dan lawatan tapak diadakan pada **28 MAC, 2019** pada jam 10.00 pagi bertempat di Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan, Majlis Daerah Tapah. Kehadiran adalah diwajibkan dan borang dijual pada yang berdaftar pada hari tersebut sahaja.
3. Sebutharga ini ditutup pada **4 APRIL, 2019**
4. Tawaran sebutharga yang terendah tidak semestinya diterima.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t.
(HJ. MUHAMAD SAHLAN B. HJ. HUSNIN)
Setiausaha,
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tapah.

s.k: Tuan Yang Dipertua, Majlis Daerah Tapah.

